

# Premis bitcoin curi elektrik diserbu

Oleh SUBKHI SUDARJI

**SEPANG** – Suruhanjaya Tenaga (ST) menyerbu kira-kira 26 premis di empat kawasan di sini yang dipercayai membuat sambungan elektrik secara haram bagi menjalankan urusan niaga mata wang bitcoin dan perniagaan lain.

Empat kawasan terbabit meliputi Bandar Sunsuria, Pusat Perniagaan Gemilang, Taman Saujana KLIA dan Kota Warisan.

Ketua Pegawai Operasi ST, Abd. Rahim Ibrahim berkata, pihaknya mendapati premis-premis di kawasan terbabit menggunakan elektrik secara curang tanpa bayaran.

“Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada banyak pihak dan risikan yang dijalankan, premis ini telah beroperasi

hampir setahun dan setelah diyakini ada berlakunya kecurangan sebelum tindakan diambil.

“Premis-premis berkenaan didapati telah melakukan usikan pada meter dengan membuat sambungan elektrik haram sehingga menyebabkan ia gagal merekod bacaan,” katanya selepas operasi itu di sini semalam.

Abd. Rahim berkata, jika didapati bersalah, pemilik berdepan denda RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun untuk kesalahan kali pertama.

“Bagi kesalahan kali kedua, mereka boleh didenda sehingga RM5 juta atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya.

“Siasatan lanjut akan dijalankan dan pemilik premis boleh didakwa di bawah Seksyen 37 (1), Seksyen 37 (3) dan Seksyen 37 (14), di bawah Akta Bekalan Elek-

trik 1990 (Akta 447),” katanya.

Dalam pada itu, Abd. Rahim mengingatkan orang ramai supaya tidak mengganggu pemasangan meter milik utiliti sebaliknya menukar akaun pemilik ke akaun penyewa jika premis itu disewa.

“Orang ramai juga boleh melaporkan kepada ST atau Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekiranya mendapati berlakunya apa-apa kejanggalan pada meter atau terdapatnya sambungan haram,” katanya.

Operasi bersepadu itu turut mendapat kerjasama TNB, Majlis Perbandaran Sepang, Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Turut serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Pengurusan Air Selangor.



**ABD. Rahim (kanan) menunjukkan sebahagian peralatan yang disita semasa operasi di sekitar Bandar Sunsuria, Sepang semalam.**